



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 03/20/13

Untuk siaran segera

Bank Negara Malaysia Menerbitkan Laporan Tahunan 2019, Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2019 dan Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua Tahun 2019

Bank Negara Malaysia (Bank) hari ini menerbitkan tiga laporan iaitu Laporan Tahunan 2019, Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2019 dan Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua Tahun 2019.

Berbeza dengan penerbitan yang lepas, ketiga-tiga laporan ini bertujuan meningkatkan kefahaman pihak-pihak berkepentingan utama dengan mempelbagaikan tahap teknikal laporan-laporan ini. Laporan Tahunan 2019 memperincikan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Bank pada tahun 2019, dan ditujukan untuk khalayak umum bagi memaklumkan kepada pembaca tentang mandat dan pelbagai fungsi Bank. Tinjauan Ekonomi dan Monetari merupakan penerbitan yang lebih bersifat teknikal dan memberikan tumpuan pada penilaian dan unjuran ekonomi Bank. Tinjauan Kestabilan Kewangan juga merupakan penerbitan teknikal yang memperincikan penilaian analisis risiko dan prospek berkaitan dengan kestabilan kewangan. Laporan ini diterbitkan dua kali setahun.

Laporan Tahunan 2019

Laporan Tahunan menyediakan tinjauan keseluruhan mengenai aktiviti penting yang dijalankan oleh Bank untuk melaksanakan mandat terasnya iaitu menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan, serta memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan. Laporan ini memberikan sorotan mengenai inisiatif dasar kestabilan monetari dan kewangan utama serta rangkaian aktiviti pembangunan yang dilaksanakan untuk membentuk kapasiti dan keupayaan sektor kewangan Malaysia bagi memenuhi keperluan ekonomi yang berubah-ubah. Laporan ini juga memberikan penjelasan mengenai operasi dan sumber Bank yang membolehkan Bank berfungsi dengan cekap dan berkesan.

Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2019

Tinjauan Ekonomi dan Monetari yang pertama kali diterbitkan ini merupakan penerbitan yang lebih bersifat teknikal bagi menyampaikan penilaian dan kajian ekonomi yang dilakukan oleh Bank. Laporan ini memberikan tumpuan

pada perkembangan ekonomi dan kewangan Malaysia pada tahun 2019 dan prospek untuk tahun 2020.

Tahun 2020 merupakan tahun yang sangat mencabar bagi ekonomi global. Pertumbuhan global dijangka menguncup berikutan krisis kesihatan yang belum pernah terjadi sebelum ini. Sebagai ekonomi terbuka, Malaysia turut menerima kesannya. Pertumbuhan KDNK Malaysia dijangka berada antara -2.0% hingga +0.5% pada tahun 2020. Keadaan ini berpunca daripada permintaan global yang lemah, gangguan rantai bekalan dan langkah-langkah untuk membendung virus COVID-19 di dalam dan di luar negara. Walaupun Perintah Kawalan Pergerakan dan langkah-langkah untuk menggalakkan penjarakan sosial akan melembapkan aktiviti ekonomi buat sementara waktu, namun penularan virus perlu terus dibendung. Pakej rangsangan Kerajaan akan membantu mengurangkan kesan negatif ke atas ekonomi. Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 dan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat serta langkah-langkah kewangan Bank akan menyediakan sokongan yang agak besar kepada isi rumah dan perniagaan. Langkah-langkah ini dijangka menambah 2.8 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK pada tahun 2020. Selain itu, projek-projek infrastruktur berskala besar yang sedang berjalan turut menyokong pertumbuhan, dan dijangka memberikan tambahan satu mata peratusan kepada pertumbuhan pada tahun 2020.

Masih terdapat ketidakpastian yang ketara berhubung dengan prospek pertumbuhan, dengan wujudnya risiko positif dan negatif kepada prospek tersebut. Risiko negatif berpunca daripada penyebaran COVID-19 yang lebih berpanjangan dan lebih luas di seluruh dunia dan dalam negeri, gangguan bekalan komoditi yang berulang dan keadaan kewangan yang lebih ketat berikutan volatiliti yang ketara dalam pasaran kewangan. Walau bagaimanapun, terdapat juga risiko yang positif, yang berpunca daripada kesan yang mungkin lebih besar daripada jangkaan berikutan langkah-langkah pro-pertumbuhan, aktiviti yang kembali normal dengan lebih cepat dalam keadaan permintaan terpendam serta ekonomi global yang lebih baik daripada jangkaan, berikutan pelbagai langkah rangsangan. Bank menjangkakan ekonomi Malaysia akan pulih semula pada tahun 2021, sejajar dengan jangkaan pemulihan global. Krisis kesihatan semakin meningkat dengan pesat dan Bank akan terus memantau dan menilai perkembangan pandemik ini dan kesannya ke atas ekonomi.

Melangkaui prospek ekonomi pada tahun 2020, Tinjauan Ekonomi dan Monetari juga mengandungi Rencana bertajuk Memastikan Pertumbuhan Masa Depan Menerusi Pelaburan Berkualiti. Rencana ini menghuraikan strategi yang praktikal untuk menarik pelaburan berkualiti yang dapat menjana

Diterbitkan oleh:

Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.

Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919

Web: www.bnm.gov.my

pekerjaan berkemahiran tinggi dan aktiviti nilai ditambah yang tinggi. Dalam hal ini, pembuat dasar perlu terus berusaha untuk meningkatkan potensi pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Faktor-faktor yang membolehkan Malaysia mengatasi episod kejutan lampau dijangka dapat terus digunakan untuk kesejahteraan ekonomi Malaysia. Malaysia akan terus mendapat manfaat daripada sumber pertumbuhan yang pelbagai, ekonomi yang fleksibel, penampakan yang mencukupi, sistem kewangan yang kukuh dan rangka kerjadasar yang teguh yang telah dibina selama ini.

Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua Tahun 2019

Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua Tahun 2019 merupakan penerbitan teknikal yang diterbitkan dua kali tahun dan memperincikan penilaian Bank mengenai kestabilan kewangan. Kestabilan kewangan domestik pada separuh kedua tahun 2019 terus terpelihara. Walaupun kesan COVID-19 terhadap ekonomi telah meningkatkan risiko terhadap kestabilan kewangan, namun sistem kewangan juga lebih berdaya tahan terhadap risiko-risiko ini. Khususnya, penampakan sistem perbankan yang kukuh yang telah dibina selama ini dan amalan pengurusan risiko yang mantap dijangka dapat mengurangkan kesan apa-apa kemerosotan dalam kualiti kredit dan menyokong pemberian pinjaman bank yang berterusan kepada ekonomi. Langkah-langkah bantuan sementara yang dilaksanakan bagi menyokong isi rumah dan perniagaan juga dijangka mengehendkan kerugian kredit dan membantu mengekalkan keupayaan isi rumah dan perniagaan untuk membayar balik hutang apabila ekonomi pulih.

Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia untuk Tahun 2019 yang Diaudit

Seperti yang diaudit dan disahkan oleh Ketua Audit Negara, kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia kekal kukuh pada tahun 2019. Jumlah aset Bank Negara Malaysia adalah sebanyak RM451.6 bilion, dengan keuntungan bersih sebanyak RM8.9 bilion untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019. Bank Negara Malaysia mengumumkan dividen sebanyak RM3.5 bilion kepada Kerajaan untuk tahun 2019.

Bank Negara Malaysia
3 April 2020